



# Tayangan amal Pulang kutip lebih RM60,000

➔ Program anjuran Yayasan PINTAR biayai intervensi pendidikan pelajar kurang mampu

Oleh Saadiah Ismail dan Esther Landau  
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Lebih RM60,000 kutipan berjaya dipungut menerusi tayangan filem amal *Pulang* anjuran Yayasan PINTAR, bertujuan membiayai program intervensi pendidikan pelajar kurang bernasib baik.

Ahli Pemegang Amanah Yayasan PINTAR, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, berkata yayasan itu sentiasa berusaha untuk menjana pendapatan supaya misi dan matlamat membantu pelajar kurang bernasib baik di seluruh negara dapat

direalisasikan.

Katanya, ia juga untuk memastikan tiada kanak-kanak kurang bernasib baik ketinggalan dalam pendidikan ketika negara maju ke arah kemakmuran dan pembangunan sosio-ekonomi.

“Sejak ditubuhkan, Yayasan PINTAR dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan menerajui Program PINTAR, iaitu bagi memperkasa pendidikan pelajar sekolah berkeperluan tinggi, yang mana kebanyakan berasal daripada keluarga berpendapatan rendah di kawasan luar bandar dan bandar.

## Pendidikan holistik

“Menerusi program itu, pelajar diberi peluang dan akses kepada pendidikan holistik melalui pembelajaran kurikulum serta luar bilik darjah supaya mereka dilengkapi dengan ilmu pengetahuan bagi menghadapi cabaran abad ke 21,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis tayangan amal filem *Pulang*, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan PINTAR, Karimah Tan Abdullah; CEO

Primework Studios, Datuk Ahmad Izham Omar bersama bapanya, Omar Othman; Ketua Pegawai Komersial (CCO) NSTP, Alfian Talib.

Turut hadir, Ahli Pemegang Amanah Yayasan PINTAR, Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin dan suami, Datuk Seri Khalid Mohd Jiwa.

Selain itu, 25 kanak-kanak dan tiga penjaga dari Rumah Kebajikan Kanak-kanak Lighthouse Children Welfare Home, Bangsar, turut diberi peluang menonton tayangan filem itu.

Wan Mohd Zahid berkata, pihaknya turut berharap syarikat serta individu lain dapat membantu sekolah kurang bernasib baik di bawah Program Nasional PINTAR dengan menyalurkan sumbangan melalui platform dalam talian iaitu [www.mypintar.com.my](http://www.mypintar.com.my).

“Kini, terdapat 52 ahli PINTAR yang sudah membantu 550 buah sekolah rendah dan menengah, termasuk sekolah keperluan khas. Lebih daripada 800,000 pelajar serta guru mendapat manfaatnya.

“Sokongan diberikan pada majlis tayangan amal ini amat bermakna kepada anak daripada keluarga miskin dan masyarakat kurang bernasib baik kerana ia mampu mengubah kehidupan mereka,” katanya.